

PM hadiri Malam Deklamasi Angkasapuri 2001

UM 3 SEP 2001

KUALA LUMPUR 2 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menghadiri Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 yang menyaksikan gabungan lebih 40 penyanyi dan penyair tanah air di sini.

Ketibaan Perdana Menteri dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin serta kakitangan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Paling menarik ialah sajak *Melayu Mudah Lupa* yang disampaikan oleh Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UM-NO, Mei lalu, dipersembahkan dalam bentuk nyanyian oleh Kumpulan Ibrahim Bachek.

Semua lagu puisi itu diiringi oleh 32 pemuzik Simfoni Orkestra RTM dan disiarkan secara langsung ke seluruh negara, termasuk ke negara-negara jiran menerusi Saluran Perdana TV1.

Perdana Menteri juga kelihatan sebak

dan terharu ketika sajak *Perjuangan Yang Belum Selesai* dinyanyikan oleh Nora pada akhir program yang berlangsung kira-kira dua jam.

Program yang julung-julung kali diadakan itu bertujuan mengangkat martabat puisi supaya tidak tercicir daripada arus perdana.

Beberapa artis terkenal termasuk M. Nasir, Ramli Sarip, Koprata, Nora, Ramlah Ram dan Safura mempersembahkan puisi dalam bentuk nyanyian pada Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 itu.

Antara karya penyair yang telah dinyanyikan dan dideklamasikan ialah Lim Swee Tin, Sutung Omar RS, Latif Mohidin, Aziz Deraman, J. M. Aziz, Usman Awang, A. Samad Said dan A. Samad Ismail.

Wartawan Hiburan *Utusan Malaysia*, Tengku Khalidah Bidin turut mendeklamasikan sajak ciptaan Rahman Shaari yang bertajuk *Aku Anak Kroni*.